

USAHA menjadikan negara sebagai sebuah negara maju tidak akan tercapai jika transformasi dalam bidang pendidikan dan modal insan tidak dilakukan dengan sebaiknya. Transformasi pendidikan merupakan antara perkara yang ditekankan dalam agenda transformasi negara.

Lantaran itu, kerajaan sentiasa memperuntukkan jumlah yang besar untuk bidang pendidikan. Sebanyak 22 peratus daripada belanjawan negara setiap tahun diperuntukkan untuk bidang pendidikan, sekali gus membuktikan kerajaan amat menekankan pencapaian cemerlang bidang pendidikan negara. Bidang pendidikan ialah satu daripada bidang keutamaan yang perlu diperjuangkan dan disuntik dari segi kewangan, prasarana, serta sokongan moral oleh semua pihak termasuk rakyat.

Sebagai agenda utama negara, kerajaan menetapkan matlamat menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan bertaraf dunia, di samping sentiasa memastikan kualiti pendidikan negara sama dengan standard antarabangsa.

Hal ini demikian kerana pendidikan mampu merubah pemikiran dan meningkat taraf hidup rakyat. Tegasnya, pendidikan merupakan proses kesamarataan kepada seseorang walaupun datang daripada keluarga penoreh getah, nelayan, petani, buruh mahupun kakitangan rendah awam.

Sehubungan dengan itu, tahap kualiti pendidikan negara ini antara yang terbaik dalam dunia dan tidak perlu dipersoalkan. Kerajaan tidak pernah berhenti daripada melaksanakan penilaian terhadap sistem pendidikan negara dari semasa ke semasa walaupun kajian terkini mendapati rakyat berpuas hati. Hal ini demikian kerana cabaran hari ini sentiasa memerlukan penambahbaikan bagi memastikan matlamat negara berpendapatan tinggi tercapai.

PELAN PEMBANGUNAN PENDIDIKAN MALAYSIA

MELONJAKKAN KUALITI

PENDIDIKAN NEGARA

Oleh **SAMAT BUANG**

Ketika kita berusaha beralih daripada ekonomi berpendapatan sederhana kepada menjadikannya ekonomi berpendapatan tinggi berasaskan pengetahuan dan berinovasi, kita perlu meneliti secara mendalam sistem pendidikan. Kita perlu bertanya soalan paling penting sama ada penambahbaikan segera perlu dilaksanakan dalam usaha menghadapi cabaran memacu negara ke arah dunia global yang kompetitif.

Rakyat Malaysia sangat beruntung kerana usaha kerajaan berjaya menjadikannya sebagai antara negara di dunia yang dapat menyediakan akses pendidikan kepada lebih 90 peratus rakyatnya berbanding dengan negara lain seperti Indonesia.

Dari segi kualiti pendidikan, Malaysia berada di tangga ke-14 dan di tempat kedua selepas Singapura dalam kalangan negara ASEAN. Hal ini merupakan pencapaian yang amat membanggakan kita.

Sudah pasti kejayaan ini adalah hasil usaha yang telah dilakukan oleh kerajaan dan rakyat dalam meningkatkan kualiti pendidikan, kualiti modal insan, dan daya saing negara. Dengan adanya usaha berterusan untuk melonjakkan kualiti pendidikan negara dan kualiti modal insan yang dilahirkan, kita akan dapat meningkatkan lagi kedudukan negara dalam indeks daya saing global pada masa akan datang.

Dasar dan falsafah pendidikan negara yang dilaksanakan oleh kerajaan telah berjaya melahirkan modal insan dan menyelesaikan masalah kemiskinan dalam kalangan rakyat, khususnya di luar bandar. Kerajaan juga berjaya melengkapkan dasar pendidikan negara yang sempurna bagi melahirkan modal insan menjelang Malaysia menjadi negara maju pada 2020.

Sejak 1957, rakyat Malaysia ketika itu sebanyak kira-kira tujuh juta penduduk, dan kadar kemiskinan dalam kalangan rakyat miskin sebanyak 70 peratus berjaya dikurangkan dengan pelbagai prasarana dan pembangunan.

Hal ini dapat dijayakan menerusi pelbagai dasar pendidikan cemerlang dan sistem kokurikulum yang berkualiti menyebabkan peratusan kadar kemiskinan jauh sudah menurun di bawah tiga peratus. Dalam konteks pembangunan negara, pembinaan modal insan berkemahiran dan berpengetahuan tinggi merupakan pelaburan terpenting yang menjadi teras kepada inovasi dan ekonomi berpendapatan tinggi yang produktif.

Kejayaan Malaysia menjadi sebuah negara maju akan ditentukan oleh keupayaannya membekalkan modal insan yang berpengetahuan dan berkemahiran tinggi untuk memenuhi keperluan dalam industri bersifat intensif ilmu.

Dalam konteks ini, pelaburan dalam sektor pendidikan merupakan faktor paling kritikal dalam melahirkan modal insan yang diperlukan untuk memacu kemajuan negara ke tahap seterusnya.

Untuk menjadi sebuah negara maju berpendapatan tinggi, Malaysia perlu terus membangunkan sumber manusia yang berpengetahuan dan berkemahiran tinggi melalui pendidikan berkualiti. Oleh itu, sudah tiba masanya kita melalui satu lagi fasa transformasi pendidikan negara, termasuk mengadakan program transformasi pendidikan teknik dan vokasional. Oleh itu, kita perlu melahirkan modal insan yang kreatif dan inovatif, serta berdaya saing di peringkat antarabangsa.

Kita sadar modal insan yang mempunyai keupayaan untuk bersaing pada peringkat antarabangsa hanya boleh dilahirkan melalui sistem pendidikan bertaraf dunia. Oleh itu, dalam tempoh 15 tahun akan datang, Malaysia bakal meraih kejayaan seperti Korea, Finland, Jepun, New Zealand, dan Singapura yang berada pada kedudukan teratas dalam pencapaian pentaksiran pada peringkat antarabangsa.

Bagi tujuan itu, Kementerian Pelajaran menghasilkan Pelan Pembangunan Pendidikan secara menyeluruh berdasarkan satu kajian semula pendidikan negara membabitkan pandangan

semua pihak berkepentingan dan masyarakat awam.

Pelan ini membolehkan semua pihak memahami pencapaian dan cabaran pendidikan pada peringkat rendah dan menengah, yang kemudiannya boleh dijadikan asas untuk menentukan dasar serta hala tuju pendidikan pada peringkat pengajian tinggi.

Pendidikan yang berkualiti tinggi di Malaysia turut menarik minat banyak pelajar asing untuk melanjutkan pengajian di negara ini. Malaysia telah mencapai tahap sebagai hab pendidikan yang berkualiti tinggi dan hakikat ini dapat dilihat apabila begitu banyak pelajar dari seluruh dunia seperti China, Nigeria, dan Kazakhstan melanjutkan pengajian di universiti dan kolej universiti di negara ini. Mereka ke sini kerana yakin akan mendapat pendidikan yang berkualiti tinggi.

Malaysia memberikan komitmen untuk terus melabur dalam bidang pendidikan dan yakin kerjasama rapat antara Malaysia dengan Britain mampu melonjakkan kemajuan bidang pendidikan kedua-dua negara ke tahap yang lebih tinggi.

Pada masa yang sama, kini pelbagai kemudahan prasarana telah disediakan kerajaan demi mewujudkan suasana selesa dalam pengajaran para guru dan pembelajaran para pelajar. Prasarana sekolah serba lengkap tidak bermakna sekiranya kualiti pembelajaran tidak dititikberatkan dalam usaha meningkatkan kecemerlangan pendidikan. Walaupun prasarana tidak sehebat mana tetapi kualiti pembelajaran, kesungguhan ibu bapa memberikan perhatian, pengajaran terbaik guru dan tumpuan pelajar sendiri dapat menjadikan sesebuah sekolah itu kelihatan hebat.

Keperluan meningkatkan kualiti pembelajaran perlu diberi keutamaan demi mencapai taraf yang setanding dengan sekolah di negara maju dunia. Oleh itu, kita

perlu secara berterusan membuat penilaian semula terhadap kurikulum, latihan guru, kualiti sekolah, kepimpinan sekolah, dan sistem penyampaian pendidikan secara keseluruhan bermula daripada pengurusan kanan di Kementerian Pelajaran sehingga kepada guru dalam bilik darjah. Kita mesti menjadikan sistem pendidikan sebagai tempat terbaik bagi generasi muda bersedia menghadapi cabaran masa depan dan langkah ini memerlukan penelitian serius terhadap sistem sedia ada, serta mencari kaedah terbaik bagi mengubahnya kepada standard dunia.

Tegasnya, cabaran yang harus dipikul oleh semua pihak, terutama warga pendidik untuk meningkatkan kualiti pendidikan negara sejajar dengan perkembangan prasarana pembangunan persekolahan yang disediakan kerajaan, sekali gus menjayakan pelan transformasi pendidikan demi masa depan negara kita.

Dalam mencapai status negara maju menjelang tahun 2020, bidang pendidikan adalah penyumbang utama ke arah pencapaian tersebut. Walaupun telah banyak pencapaian yang dihasilkan dalam bidang pendidikan, masih banyak lagi yang perlu dilakukan untuk melonjakkan kualiti pendidikan negara secara berterusan. Oleh itu, usaha kerajaan dalam meningkatkan taraf dan kualiti pendidikan di negara ini amat bertepatan kerana rakyat boleh menikmati kemudahan pendidikan yang sempurna, selain berpeluang melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi. Kita berharap dengan tekad, perancangan, dan segala usaha itu membolehkan sistem pendidikan negara pada masa depan akan lebih ideal dalam melahirkan sebuah masyarakat yang minda, sikap, dan jati dirinya bertaraf kelas pertama, sesuai dengan slogan Malaysia Maju 2020. **es**